

**SOALAN NO: 416**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DR. ONG KIAN MING [ SERDANG ]**

**SOALAN :**

**TARIKH :**

**YB Dr. Ong Kian Ming [ Serdang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan ahli doktor psikologi klinikal yang sedang berkhidmat di Malaysia dan daripada jumlah tersebut, berapa ahli psikologi klinikal yang bekerja dalam sektor am dan sektor swasta.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Sehingga 31 Januari 2017, terdapat sebanyak 15 jawatan Pegawai Psikologi (Klinikal) yang sedang berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan sebanyak 14 jawatan telah diisi.

**Tuan Yang Dipertua,**

Untuk makluman, bagi tahun 2017, anggaran bilangan Pegawai Psikologi Klinikal di Malaysia adalah seramai 163 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 70 Pegawai Psikologi Klinikal berkhidmat di sektor awam (KKM:14 dan Bukan KKM: 56) dan seramai 93 Pegawai Psikologi Klinikal berkhidmat di sektor swasta.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. ONG KIAN MING [ SERDANG ]**

**SOALAN : 417**

**Dr. Ong Kian Ming [ Serdang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan statistik terperinci berkenaan bilangan penumpang trafik udara (air traffic passengers) di Lapangan Terbang KLIA dan KLIA2, untuk Pelepasan Dalam Negeri, Pelepasan Antarabangsa Negara ASEAN, Pelepasan Antarabangsa Negara-negara lain Bukan ASEAN, Ketibaan Dalam Negeri, Ketibaan Antarabangsa Negara ASEAN dan akhirnya ketibaan Antarabangsa Negara-negara lain bukan ASEAN. Diminta statistik tahun 2014, 2015 dan 2016.

## JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Bilangan penumpang trafik udara (*air traffic passengers*) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan klia2 untuk Pelepasan Dalam Negeri, Pelepasan Antarabangsa Negara ASEAN dan Pelepasan Antarabangsa Negara-negara lain Bukan ASEAN serta Ketibaan Dalam Negeri, Ketibaan Antarabangsa Negara ASEAN dan Ketibaan Antarabangsa Negara-negara lain bukan ASEAN bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 adalah seperti di bawah:

### i) KLIA

TAHUN	KLIA					
	PELEPASAN			KETIBAAN		
	Dalam Negeri	ASEAN	Bukan Negara ASEAN	Dalam Negeri	ASEAN	Bukan Negara ASEAN
2014	2,949,964	3,236,559	6,018,698	2,966,969	3,367,792	6,005,729
2015	2,519,365	2,879,021	5,750,985	2,518,742	2,918,012	5,712,015
2016	3,268,828	3,430,330	5,999,413	3,305,146	3,435,861	5,865,643

ii) klia 2

TAHUN	klia2					
	PELEPASAN			KETIBAAN		
	Dalam Negeri	ASEAN	Bukan Negara ASEAN	Dalam Negeri	ASEAN	Bukan Negara ASEAN
2014	2,718,029	4,624,818	3,385,678	2,757,230	4,488,513	3,309,890
2015	4,529,361	5,300,389	3,447,204	4,611,529	5,150,394	3,280,209
2016	4,399,736	5,300,819	4,015,296	4,487,712	5,123,519	3,791,941

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS  
DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG  
[ RASAH ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Tuan Teo Kok Seong [ Rasah ] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-**

- (a) jumlah peruntukan dan derma yang telah salurkan oleh Kerajaan pusat kepada Sekolah Tinggi Persendirian Cina sejak tahun 2008 - tahun 2017 ; dan
- (b) mengapakah Kerajaan pusat tidak mengikut jejak Kerajaan Negeri Sarawak, Selangor dan Pulau Pinang yang membantu Sekolah Persendirian Cina dengan memberi peruntukan secara sistematik.

**JAWAPAN**

- (a) dan (b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia tidak menyediakan peruntukan bagi sekolah dan murid yang belajar di Sekolah Menengah Persendirian Cina. Penyediaan peruntukan untuk Sekolah Menengah Persendirian Cina adalah berdasarkan pertimbangan dan pengumuman YAB Perdana Menteri dan disalurkan secara *one-off*.